

PM jamin teruskan projek Lebuhraya Pan Borneo Fasa 2

BH- 6/12/2021 m/s: 2

Laluan dari Limbang ke Lawas telah dihentikan oleh kerajaan Pakatan Harapan

Oleh Saiful Haizan Hasam
saiful.haizan@bh.com.my

Serian: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberi jaminan akan mencari jalan untuk meneruskan pembinaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Fasa 2 (Sarawak), dari Limbang ke Lawas yang dihentikan kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Beliau berkata, usaha itu turut merangkumi pembinaan *missing link* dari Kuala Baram ke Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Sungai Tujoh dan jalan sedia ada yang perlu dinaik taraf atau *red line*.

Untuk itu, katanya, beliau akan mengadakan perbincangan lanjut bersama Ketua Menteri Sa-

rawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg dan Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof.

“Keterhubungan Pan Borneo dilaksanakan dan saya beri komitmen kepada tuan puan bahawa saya bersama Ketua Menteri dan Menteri Kanan Kerja Raya akan bincang bagaimana nak meneruskan Fasa 2, *red line* dan *missing link* ini.

“Kita tak terhenti setakat itu, kita akan teruskan segala yang sudah dirancang,” katanya ketika merasmikan Projek Lebuhraya Lan Borneo Sarawak, Jajaran Serian, Pakej 3 yang turut dihadiri Abang Johari dan Fadillah, di sini, semalam.

Jajaran Serian lebih 33 kilometer itu babitkan naik taraf jalan Persekutuan dari Bulatan Serian Ke Balai Ringin. Kos keseluruhan ialah RM700 juta dan pembinaannya siap kelmarin.

Sementara itu, Perdana Menteri mengingatkan kesan perubahan kerajaan terhadap projek pembangunan yang dirancang dan Pan Borneo Fasa 2 adalah bukti ia jelas berlaku.

Beliau berkata, penting untuk kerajaan negeri selari dengan

Pusat bagi melancarkan usaha pembangunan negeri secara menyeluruh.

“Saya bukan nak kempen, tapi mengingatkan supaya pembangunan dapat diteruskan tanpa masalah kerana bukti telah ada di depan mata.

“Apabila kerajaan Pusat berubah pada 2018, projek yang diluluskan telah dibatalkan kerana tiada hubungan antara negeri dan Pusat,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Ismail Sabri berkata, kerajaan Pusat sentiasa memberi ketumpuan terhadap pembangunan Sabah dan Sarawak, dibuktikan melalui peruntukan perbelanjaan pembangunan infrastruktur yang 20 peratus lebih tinggi daripada peruntukan pembangunan dalam Bajet 2022 yang diagihkan ke negeri di Semenanjung.

“Langkah itu bagi memastikan Sabah dan Sarawak bersama-sama membangun seiring dengan aspirasi Keluarga Malaysia. Ini sekali gus dapat merapatkan lagi jurang pembangunan di antara dua negeri ini dengan negeri lain di Semenanjung,” katanya.